

Dunia di ambang krisis makanan. Bersedia atau tidak, kita perlu berdepan dengannya.

Jika ia berlaku, dunia akan menghadapi krisis kelaparan yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Beberapa pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB (FAO), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) turut mengakui hakikat itu.

Ditambah pula dengan krisis antara Russia dengan Ukraine, ia adalah 'amaran' kepada krisis makanan yang bakal melanda dunia.

Berdasarkan Tinjauan Pasaran Komoditi Bank Dunia pada April 2022, krisis Ukraine dan Russia mengubah corak perdagangan, pengeluaran dan penggunaan komoditi global.

Akibatnya, harga barangan dijangka meningkat sehingga penghujung 2024 dan ini akan memburukkan lagi krisis makanan serta inflasi.

Negara miskin dan membangun paling terkesan dengan kenaikan ini kerana bergantung kepada makanan import.

Laporan 'Global Report on Food Crises 2022' mendedahkan, pada tahun lalu, lebih daripada 193 juta orang di seluruh dunia mengalami kekurangan makanan yang kritikal, berbanding 40 juta orang pada 2020.

Komoditi paling terjejas ialah gandum, jagung, minyak yang boleh dimakan dan baja.

Kerajaan turut mengambil langkah proaktif dengan mengarahkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menyediakan pelan jangka panjang dan pendek bagi mengelak krisis makanan daripada berlaku di negara ini.



DEFINISI KRISIS MAKANAN


Situasi di mana bekalan makanan berkurangan. Krisis makanan boleh menyebabkan kebuluran dan penduduk kekurangan zat makanan meningkat sama ada di peringkat tempatan, nasional atau global.

PUNCA BERLAKU KRISIS MAKANAN

- Jurang ekonomi yang semakin tinggi
- Peningkatan penduduk secara drastik
- Bencana alam
- Pengeluaran sumber makanan terhad
- Tekanan ekonomi (hiperinflasi), termasuk impak pandemik Covid-19
- Perubahan iklim dan serangan haiwan perosak
- Peperangan
- Kenaikan harga komoditi

KRISIS MAKANAN DUNIA

BEKALAN MAKANAN PALING TERJEJAS



Baja
 Russia,
 Ukraine dan
 China.


Minyak yang boleh dimakan
 Negara pengeluar ialah Malaysia, Indonesia, China, Amerika Syarikat dan Brazil.



Gandum
 Negara pengeluar ialah Ukraine, India, Amerika Syarikat, Pakistan, China dan Australia.



Jagung
 Negara pengeluar ialah Amerika Syarikat, China, Brazil, Ukraine dan India.



BILANGAN PENDUDUK TERKESAN PADA 2021

METRO MS:25 12/6/2022

WARTAWAN
NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN
asyikin.mat@hmetro.com.my



GRAFIK
ZUL FADHLI KAMARRUDIN
z.fadhli@hmetro.com.my



KRONOLOGI KRISIS MAKANAN

2000
Harga makanan turun ketara ketika kemelesetan ekonomi pada akhir 2000.

2005 - 2008
Harga makanan meningkat mendadak pada 2007 dan suku kedua 2008.

2011 - 2012
Krisis harga makanan dunia, tinggi sedikit berbanding 2008.

2017
Hampir 124 juta penduduk mengalami krisis makanan.

2020
Seramai 135 juta penduduk mengalami krisis makanan.

2022
Dijangka dunia berdepan krisis kelaparan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Ekoran Ukraine (pengekspor gandum utama dunia) menggantung eksportnya kerana krisis dengan Russia.

Harga barangan meningkat.
2009 - 2010

Harga menurun pada paras terendah.
2016

Seramai 135 juta penduduk dari 55 negara mengalami krisis makanan.
2019

Hampir 193 juta penduduk mengalami krisis makanan.
2021

Nigeria

Kadar inflasi tinggi. Pendapatan penduduk rendah.

Republik Chad

Kira-kira 31.7 peratus populasi mengalami kekurangan nutrisi ekoran konflik di negara itu dan cuaca terlalu panas menyukarkan tanaman hidup. Disebabkan itu, 35.1 peratus kanak-kanak terbantut tumbesaran.

Syria


Seramai 12.4 juta rakyat Syria menderita dengan masalah kekurangan makanan dan ancaman kebuluran. Krisis ini akibat peperangan yang berlaku sejak 2011.

Pakistan

Tekanan ekonomi, kemiskinan, masalah kewangan, perubahan iklim dan kelemahan sistem pertanian menjadi punca krisis makanan di Pakistan.

Yaman

Seramai 17.4 juta rakyat Yaman mengalami krisis makanan disebabkan peperangan dan kemiskinan.



12 NEGARA MENGALAMI KRISIS MAKANAN

Liberia

Perang saudara berpanjangan selama 14 tahun mencetuskan krisis makanan. Sebanyak 35.5 peratus kanak-kanak mengalami masalah bantut dan 23 peratus isi rumah di kawasan luar bandar bergantung bekalan air tidak bersih.

Republik Afrika Tengah

Sedang bergelut dengan krisis makanan yang teruk apabila lebih 40 peratus populasinya kekurangan makanan. Penduduk kekurangan nutrisi juga serius.

Republik Demokratik Congo

Kekurangan makanan, konflik bersenjata dan perpindahan beramai-ramai memburukkan lagi krisis kemanusiaan di negara berkenaan.

Sudan Selatan

Kesan daripada krisis kemanusiaan, pandemik Covid-19, masalah ekonomi, harga makanan tinggi, banjir buruk memusnahkan penempatan dan pertanian.

Madagascar

Perubahan iklim menyebabkan kemarau berpanjangan mencetuskan masalah kekurangan makanan di negara ini. Kira-kira 43.2 peratus penduduk mengalami kekurangan nutrisi.

Ethiopia

Kira-kira 8.2 juta rakyat Ethiopia diancam kelaparan pada masa ini. Masalah itu berpunca daripada kemarau berpanjangan, hujan yang sedikit memusnahkan tanaman.

Somalia

Lebih lima juta rakyat Somalia kelaparan kesan daripada masalah kemarau berpanjangan, banjir, serangan serangga perosak tanaman, banjir dan ekonomi akibat pandemik Covid-19.

BANTUAN KEWANGAN JANGKA PENDEK DAN PANJANG BANK DUNIA TERHADAP NEGARA MENGALAMI KRISIS MAKANAN

Bangladesh

Bantuan kewangan AS\$87.8 juta (RM385.4 juta) kepada penternak ayam dan pengusaha tenusu menerusi Pelan Tindakan Kecemasan.



Bhutan

Bank Dunia menyelaraskan semua portfolio untuk menyokong pengagihan makanan dalam jangka pendek dan meningkatkan pengeluaran.

Republik Chad

Bantuan kewangan AS\$30 juta (RM131.7 juta) disalurkan untuk pengagihan kit makanan kepada 437,000 orang yang mengalami kekurangan makanan dan nutrisi yang teruk.

Republik Guatemala

Projek 'Modern and Resilient Agri-food Value Chains' bagi meningkatkan daya tahan ekonomi, rantaian pertanian dan pelaburan teknologi moden.

Haiti

Menggerakkan pembiayaan kewangan kecemasan untuk membantu 16,000 petani mendapatkan benih dan baja untuk pengeluaran dua musim.

Rwanda

Projek 'Sustainable Agricultural Intensification and Food Security' menerima bantuan kewangan tambahan.

Kyrgyzstan

Bantuan kewangan AS\$1.1 juta (RM4.8 juta) untuk pertanian seperti benih dan baja.



India

Pembiayaan kewangan untuk mengatasi kekurangan pelitup muka, cecair pembasmi kuman, mewujudkan dapur komuniti, memulihkan bekalan makanan segar dan menyediakan makanan kepada mereka yang kekurangan makanan.

Senegal

Bantuan AS\$150 juta (RM658.5 juta) untuk meningkatkan eksport tanaman bernilai tinggi seperti kacang tanah, produk tenusu, mengurangkan kadar kematian dan penularan penyakit wabak.



Tajikistan

Bank Dunia memberikan wang tunai kepada isi rumah yang mempunyai anak berusia bawah tiga tahun yang terkesan dengan kekurangan makanan.